

taip untuk carian



# ASEAN 2025

58<sup>TH</sup> ASEAN FOREIGN MINISTERS' MEETING & RELATED MEETINGS  
8 - 11 July 2025  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE, KUALA LUMPUR  
[asean.bernama.com](http://asean.bernama.com)



AM > BERITA

## Nor Yati Ahmad Dilantik Profesor Adjung UiTM

⌚ 20/08/2025 06:57 PM



SHAH ALAM, 20 Ogos (Bernama) -- Akauntan Negara Datuk Nor Yati Ahmad dilantik Profesor Adjung Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai mengiktiraf sumbangannya dalam bidang perakaunan sektor awam dan reformasi kewangan negara.

UiTM dalam kenyataan memaklumkan pelantikan itu menandakan permulaan jalinan kerjasama strategik antara Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan universiti awam berkenaan dalam pemerkasaan pendidikan tinggi, penyelidikan terapan, serta pembangunan modal insan dalam bidang perakaunan.

Kerjasama itu dijangka melibatkan pengajuran persidangan profesional berimpak global dan pelaksanaan aktiviti CSR bagi menyantuni komuniti.

Selain itu, kerjasama turut meliputi penyelidikan membabitkan isu-isu semasa sektor awam dan swasta, penyertaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui perkongsian pengalaman praktikal, serta pembangunan penyelesaian digital dan dasar inovatif.


Sementara itu Nor Yati dalam kenyataan sama berkata pelantikan itu bukan sekadar penghormatan peribadi, malah amanah strategik yang mencerminkan kepentingan kolaborasi antara institusi pelaksana dasar dan institusi ilmu.

"Sebagai Akauntan Negara, saya memahami betapa pentingnya kerjasama antara institusi pendidikan dan agensi pelaksana. UiTM dan JANM berkongsi visi untuk melahirkan akauntan profesional yang kompeten, berintegriti dan berjiwa rakyat.



"Saya amat bersyukur diberi ruang oleh UiTM untuk menyumbang bukan sahaja melalui ceramah, tetapi juga perbincangan dasar, pemetaan kurikulum dan bimbingan pelajar. UiTM bukan sekadar universiti, ia adalah pelantar masa depan negara. JANM pula adalah nadi pengurusan amanah rakyat," katanya.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan *informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif* yang disebarluaskan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),

[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

#### KATA KUNCI

uitm

akauntan negara malaysia

kerjasama

profesor adjung

janm

#### BERITA BERKAITAN



Raja Muda Perak Berkenan Sempurnakan Pameran Seni Visual 'Tanah Abang Ke Bukit Chandan'

④ lhari lalu